



JABATAN PENDAFTAR
REGISTRY

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP/PEND/PKH/12.19/1/1(76) 26 September 2008
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

Semua Ketua Jabatan

Tuan/Puan,

**PEMANTAPAN SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI
PENSYARAH GRED DS45**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia bertarikh 5 September 2008 telah mempertimbangkan serta meluluskan syarat tambahan untuk pengesahan dalam perkhidmatan Pensyarah Gred DS45 yang dilantik mulai 1 Januari 2008 dikehendaki mendapat kelulusan International English Language Testing System (IELTS) dengan aras minima 6.0. Keputusan IELTS ini sah dalam tempoh dua (2) tahun sahaja.

2.1 Pihak Pengurusan juga membenarkan staf yang menduduki peperiksaan ini bagi kali pertama membuat tuntutan yuran peperiksaan dari pihak universiti. Tuntutan hendaklah dibuat mengikut prosedur yang sedia ada dengan mengemukakan resit sebagai bukti bahawa perbelanjaan telah dibuat. Bagi staf yang menduduki peperiksaan kali kedua atau seterusnya, yuran peperiksaan hendaklah ditanggung sendiri

2.2 Syarat-syarat pengesahan lain seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran Bil.5 Tahun 2006 hendaklah dipatuhi bagi melengkapkan syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(WAN ABDUL RASHID BIN WAN ABDUL RAHMAN)

Timbalan Pendaftar

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

b.p.: Pendaftar